

15 MAR 2002

Mahathir-Rusia/I

MALAYSIA MINTA RUSIA BANTU KEMUKAKAN PANDANGAN KEPADA G-8

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 15 Mac (Bernama) -- Malaysia telah meminta Rusia untuk membantu mengemukakan pandangan negara-negara membangun mengenai isu ekonomi global kepada Kumpulan Lapan (G8) negara maju.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat permintaan itu pada pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Rusia Mikhail Kasyanov di sini hari ini.

Beliau berkata Rusia, sebagai negara anggota G8, boleh menarik perhatian kepada kebimbangan negara-negara membangun pada mesyuarat kumpulan itu seperti yang dilakukan Perancis dan Jepun.

Dr Mahathir berkata G8 sering membuat keputusan yang mempunyai kesan serius terhadap negara-negara membangun.

"Kita sekarang sedang menuju ke arah meliberalkan perdagangan antara negara-negara adan proses ini sedang digalakkan oleh Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)," katanya.

G8 dianggotai negara Britain, Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Jepun, Amerika Syarikat dan Rusia.

"Bagaimanapun, sistem yang dicadangkan sekarang memihak kepada negara-negara kaya berbanding negara miskin iaitu negara-negara membangun," kata Dr Mahathir kepada Kasyanov dalam pembuka bicaranya pada pertemuan itu.

Beliau berkata memandangkan Rusia juga mengalami krisis kewangan seperti Malaysia pada 1997, adalah penting bagi kedua-dua negara bertukar-tukar maklumat dalam berurusan dengan WTO dan pembentukan order baru kewangan dan ekonomi antarabangsa.

"Kita hidup dalam tempoh yang amat sukar dengan perubahan radikal sedang berlaku yang menjejaskan kemerdekaan dan kemajuan kita, terutamanya globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

"Ini sudah pun memberi kesan di banyak negara yang menghadapi krisis kewangan amat serius," katanya.

Sementara itu, Kasyanov berkata Rusia mengikuti dengan penuh minat keupayaan Malaysia untuk mengatasi krisis kewangan pada 1997.

"Kita menderita daripada masalah yang serupa, pada tahun yang sama," katanya sambil berkata Rusia berjaya mengtasi krisis itu.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Rafidah Aziz, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Selepas perjumpaan itu, Dr Mahathir ke Masjid Perfect Mira untuk solat Jumaat.

-- BERNAMA

AZZ HS RON